

# PM sahkan pelantikan Shahidan MB Perlis

UM - 6 DEC 1999

JITRA 5 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan pelantikan semula Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai Menteri Besar Perlis.

“Saya sudah beri surat pelantikan kepadanya,” kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis jamuan kesyukuran Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu di sini.

Serentak dengan itu di Kangar, Shahidan yang bersyukur dengan kepercayaan yang diberikan kepadanya berazam untuk meningkatkan kekuatan parti sebagai persediaan awal menghadapi pilihan raya seterusnya.

Tambahnya, antara tugas besar ialah bekerja

keras untuk merampas semula tiga kawasan Dewan Undangan Negeri yang jatuh ke tangan pembangkang pada pilihan raya lalu.

Pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lalu, kerusi Dewan Undangan Negeri Guar Sanji, Sanglang dan Santan gagal dipertahankan oleh BN.

Sambil berterima kasih dengan pelantikan semula itu beliau berkata, ia telah membangkitkan semangatnya untuk terus berjuang dan memberi perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan penduduk di negeri ini.

“Saya berharap, pengesahan Perdana Menteri mengenai kedudukannya itu akan menamatkan spekulasi bahawa saya mungkin digugurkan sebagai

Menteri Besar Perlis,” katanya ketika dihubungi hari ini.

*Utusan* difahamkan Shahidan akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di hadapan Raja Perlis di Istana Arau, Rabu ini.

Shahidan, 48, menjadi Menteri Besar sejak 1995. Pada pilihan raya lepas, beliau mengekalkan kerusi Tambun Tulang dengan menewaskan calon Pas Ismail Ahmad dengan majoriti 877 undi.

Selain itu, menurutnya, wakil-wakil rakyat BN yang dipilih pada pilihan raya lalu juga telah berikrar memberi kerjasama kepada beliau bagi menjamin selepas ini Perlis pesat membangun dalam semua bidang.